


FALSAFAH dan ISU SEMASA

Asmaa' Mohd Arshad | Norhapizah Mohd Burhan
Norafifah Ab Hamid | Mahfuzah Mohammed Zabidi

© Penerbit UiTM, UiTM 2024

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
E-mel: penerbit@uitm.edu.my

Penerbit UiTM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-363-988-5

Pereka Kulit Buku : Fadhllyatun Farah Mahadi
Pereka Letak : Kamaliah Kamaruddin

Dicetak di Malaysia oleh : Pusat Percetakan UiTM
Kolej Pengajian Seni Kreatif
Universiti Teknologi MARA
40450, Shah Alam
Selangor

Kandungan

<i>Senarai Rajah dan Senarai Jadual</i>	ix
<i>Prakata</i>	xi
<i>Setinta Bicara</i>	xv
<i>Mukadimah</i>	xvii

BAB 1 **PENGENALAN ILMU FALSAFAH** 1

Pendahuluan	1
Definisi Falsafah	1
Tujuan Ilmu Falsafah	4
Falsafah Pendidikan Negara	4
Falsafah Pendidikan Islam	9
Falsafah Rukun Negara	13
Falsafah Sejahtera	18
Kesimpulan	19
Aktiviti Pengukuhan	20
Rujukan	23

BAB 2 **FALSAFAH DALAM KEHIDUPAN** 27

Pendahuluan	27
Pengenalan Ilmu Falsafah	27
Aliran Ilmu Falsafah	28

Prakata

Segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam yang telah mencipta insan dengan sebaik-baik kejadian melalui bimbingan wahyu al-Quran dan al-Sunnah sebagai pedoman kepada seluruh insan di sepanjang kehidupan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kekasih Allah SWT yang telah menyampaikan risalah akidah dan iman kepada seluruh umat-Nya dengan kasih sayang bersama limpahan rahmat-Nya. Buku *Falsafah dan Isu Semasa* merupakan buku yang disusun memenuhi kandungan kursus Falsafah dan Isu Semasa yang merupakan kursus wajib universiti di seluruh institusi pengajian tinggi (IPT). Kursus ini telah diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bermula sesi pengambilan 2019/2020 sebagai salah satu wadah untuk menerapkan pendidikan berasaskan nilai. Oleh sebab ia merupakan kursus yang bersifat masih baharu, bahan rujukan yang berkaitan amat penting untuk digunakan sebagai panduan umum kepada para akademia dan mahasiswa. Justeru, buku ini merupakan salah satu buku rujukan penting yang dihasilkan menepati kandungan silibus Kursus Falsafah dan Isu Semasa.

Buku ini dirangka hasil garapan ilmu yang diperoleh daripada Bengkel *Training of Trainers* (TOT) yang dianjurkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam kepada wakil-wakil pensyarah ACIS dari seluruh cawangan. Begitu juga buku ini turut menghimpun ilmu-ilmu yang diperoleh daripada Bengkel *Training of Trainers* (TOT) Kursus Falsafah dan Isu Semasa dalam Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Selain itu, buku ini telah diolah berbantuan pelbagai makalah, jurnal dan artikel yang berkaitan dengan kandungan silibus bagi memudahkan para

BAB 1

Pengenalan Ilmu Falsafah

Norhapizah Mohd Burhan

“Ilmu tanpa amal adalah gila dan amal tanpa ilmu adalah sia-sia”

(Abu Hamid al-Ghazali)

PENDAHULUAN

Falsafah merupakan salah satu disiplin ilmu yang amat penting dipelajari dan dikuasai oleh individu agar dapat membina objektif dan matlamat yang jelas dalam kehidupan setiap manusia. Mempelajari falsafah boleh memandu minda berfikir dengan cara yang betul sehingga mempunyai kerangka berfikir yang betul, jelas dan tahu ke mana arah tuju yang hendak dibawa dalam kehidupan mengikut pandangan alam (*worldview*) yang bersifat tauhid serta prinsip hidup ber-Tuhan dan beragama. Falsafah ialah aktiviti memikir dan menyelidik tentang segala benda di dalam alam. Manusia dituntut oleh agama untuk berfikir, dan menyelidik tentang segala perkara di alam ini. Manusia dituntut oleh agama untuk melakukan kajian dan penyelidikan terhadap alam kerana kajian tersebut dapat membantu manusia dalam meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan baharu yang masih belum diketahui. Justeru, ilmu falsafah berguna dan berfaedah secara fitrah kepada manusia.

DEFINISI FALSAFAH

Definisi falsafah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu definisi secara etimologi dan terminologi. Perinciannya adalah seperti berikut: